



**UNIT HAL EHWAL AGAMA-AGAMA LAIN (UNIFOR)  
JABATAN KETUA MENTERI**

**GARIS PANDUAN RUMAH IBADAT DAN PERSATUAN AGAMA BUKAN ISLAM  
UNTUK UPACARA PERKAHWINAN DI RUMAH IBADAT, UPACARA  
PENGKEBUMIAN DAN AKTIVITI MENZIARAH KUBUR SEMASA PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Garis panduan ini adalah digunapakai untuk menjalankan Upacara Perkahwinan di Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam, Upacara Pengkebumian, dan Aktiviti Menziarahi Kubur. Garis panduan ini dikeluarkan untuk dilaksanakan di Negeri Sarawak tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat berikut:

**1. Panduan Am**

- a. Hanya Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam yang mempunyai Penolong Pendaftar Perkahwinan yang dilantik di bawah Seksyen 28 Akta 164, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 adalah dibenarkan menjalankan upacara perkahwinan.
- b. Kehadiran ke **Upacara Perkahwinan** di Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam adalah dihadkan kepada **20 orang** selepas mengambil kira penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.
- c. Kehadiran ke **Upacara Pengkebumian** adalah dihadkan kepada **50 orang** terdiri daripada pemberi perkhidmatan pengkebumian dan ahli keluarga terdekat sahaja.
- d. Kehadiran ke **Aktiviti Menziarahi Kubur** adalah dihadkan kepada **20 orang** pada satu-satu masa terdiri daripada ahli keluarga terdekat sahaja.
- e. Kanak-kanak di bawah berumur 12 tahun ke bawah adalah tidak dibenarkan menghadiri Upacara Perkahwinan di Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam mahupun menghadiri Upacara Pengkebumian dan Aktiviti Menziarahi Kubur.

- f. Mana-mana individu yang mempunyai gejala demam, batuk, selesema atau mempunyai suhu melebihi 37.5°C adalah dilarang menghadiri Upacara Perkahwinan di Rumah Ibadat dan di Persatuan Agama Bukan Islam. Mereka juga dilarang menghadiri Upacara Pengkebumian dan Aktiviti Menziarahi Kubur.
- g. Aktiviti makan dan minum adalah tidak dibenarkan di kesemua upacara dan aktiviti ini tadi.

## **2. Panduan Untuk Hadirin**

Semua hadirin hendaklah mengambil berat tentang aspek keselamatan dan kebersihan di Upacara Perkahwinan di Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam, Upacara Pengkebumian, dan Aktiviti Menziarahi Kubur seperti berikut:

- a. Menggunakan penutup hidung dan mulut sepanjang masa;
- b. Digalakkan untuk kerap mencuci tangan menggunakan sabun atau '*hand sanitiser*';
- c. Tidak bersalaman di antara satu sama lain;
- d. Mengisi jadual kehadiran sama ada mengimbas kod QR melalui aplikasi MySejahtera atau COVIDTrace ataupun melalui buku kehadiran yang disediakan semasa menghadiri Upacara Perkahwinan;
- e. Tidak dibenarkan berkumpul sebelum dan selepas Upacara Perkahwinan, Upacara Pengkebumian dan Aktiviti Menziarahi Kubur; dan
- f. Terus meninggalkan Rumah Ibadat dan Rumah Persatuan atau Tapak Perkuburan sejeurus selepas selesai upacara atau aktiviti tersebut.

### 3. Panduan Untuk Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat Dan Persatuan Agama Bukan Islam

Pihak Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam hendaklah mengambil langkah-langkah berikut untuk Upacara Perkahwinan di Rumah Ibadat dan Persatuan Agama Bukan Islam:

- a. Memastikan proses nyahcemar dilaksanakan ke atas tempat atau ruang yang digunakan untuk Upacara Perkahwinan;
- b. Membuka hanya satu pintu untuk masuk dan satu lagi untuk keluar;
- c. Menyediakan buku kehadiran ataupun menyediakan kod QR untuk diimbis menggunakan aplikasi MySejahtera ataupun COVIDTrace;
- d. Membuka kaunter pendaftaran di pintu masuk untuk:
  - i. membuat pemeriksaan suhu badan keatas semua hadirin serta petugas;
  - ii. memastikan semua hadirin menggunakan penutup hidung dan mulut;
  - iii. mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitiser*;
  - iv. memastikan setiap hadirin mencatat kehadiran masing-masing;
- e. Memastikan SOP semasa Upacara Perkahwinan sentiasa dipatuhi terutamanya amalan penjarakan sosial.

### 4. Lain-lain

- a. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak boleh mengubah atau meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan semasa.
- b. Pemakaian garis panduan umum ini berkuatkuasa **mulai 1 Julai 2020** sehingga ke suatu tarikh yang diputuskan kemudian.

**Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain**

**Tarikh: 26 Jun 2020**